

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI
HAMZAH [KUBANG PASU]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan jangka masa panjang Kementerian bagi Guru Interim yang berstatus kontrak di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pengambilan guru secara lantikan *Contract of Service* (CoS) untuk menampung kekosongan guru bagi mata pelajaran yang kritikal terutamanya di sekolah rendah.

Tempoh perkhidmatan sebagai guru lantikan CoS adalah selama dua (2) tahun. Dalam tempoh tersebut, guru tersebut akan ditawarkan untuk mengikuti Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) secara mod Kursus Dalam Cuti (KDC) yang dikendalikan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Setelah menamatkan PDPP dan memenuhi syarat skim sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), KPM akan memperakukan nama guru tersebut ke Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) untuk ditemu duga. Guru lantikan kontrak yang berjaya dalam temuduga tersebut akan ditawarkan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 lantikan tetap.